

Kerajaan beri tumpuan 3R pada Belanjawan 2020

BIHARIAN 25/9/19 ms 3

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu memberi tumpuan kepada keperluan 3R iaitu mengganti, membaiki dan memulihkan kemudahan awam lama khususnya hospital dalam Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan bulan depan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata ini kerana banyak kemudahan dan kelengkapan awam lama diabaikan oleh kerajaan terdahulu yang lebih berminat terhadap pembinaan fasiliti baharu.

Katanya, kemudahan awam lama seperti hospital tidak boleh diabaikan walaupun negara sudah memiliki infrastruktur baharu dan perlu berlaku adil dalam menguruskannya.

"Kemudahan lama perlu berfungsi dengan baik. Ini kerana kebanyakan kemudahan dan kelengkapan berusia lebih 20 tahun dan usang. Diakui usaha untuk 3R terhadap sesebuah hospital, contohnya bukan sesuatu yang mudah kerana kosnya lebih tinggi daripada membina kemudahan yang baharu.

"Saya akan mengadakan per-

bincangan dengan Kementerian Kesihatan untuk meneliti perkara berkenaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Perisikan Pasaran Pelancongan Kesihatan (INSIGHT) 2019, di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai peruntukan yang disediakan kerajaan untuk sektor kesihatan awam di negara ini menjelang pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober depan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wira Ir Amiruddin Hamzah dan Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye.

Persidangan dua hari bertema 'Keterbezaan Memacu Kecemerlangan' itu mengumpulkan pakar industri berkaitan bagi membincangkan aliran dan cabaran terkini dalam industri pelancongan kesihatan.

Pada masa sama, Guan Eng menggesa hospital swasta menurunkan kos rawatan yang lebih berpatutan bagi membolehkan pesakit mendapat rawatan dengan perbelanjaan yang tidak membebankan.



Guan Eng melawat pameran selepas merasmikan Persidangan Perisikan Pasaran Pelancongan Kesihatan (INSIGHT) 2019, di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

"Perkhidmatan hospital swasta turut digunakan penduduk tempatan dan perkara ini perlu diambil kira bagi mengurangkan beban pesakit.

"Kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk insentif

elaun pelaburan cukai bertujuan meningkatkan kapasiti sehingga 15,000 katil di seluruh negara, bagi membolehkan hospital swasta mengaut keuntungan lebih 50 peratus," katanya.

Katanya, menerusi Rancangan

Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11, sasaran pertumbuhan 25 peratus dalam penjagaan kesihatan dengan lebih RM1.8 bilion keuntungan diperoleh daripada sektor perkhidmatan perubatan dan kesihatan.